

PERLINDUNGAN HAK CIPTA PENULISAN DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA

COPYRIGHT PROTECTION FROM THE PERSPECTIVES OF ISLAM AND MALAYSIAN LAW

ⁱMushaddad Hasbullah, ^{ii,*}Hashim Ahmad Shiyuti, ⁱAbdul Manan Ismail,
ⁱAhmad Zaki Salleh & ⁱMohamad Zaharuddin Zakaria

ⁱFaculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱTamhidi Centre, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

^{*}(Corresponding author) e-mail: hashim@usim.edu.my

Article history:

Submission date: 7 January 2025

Received in revised form: 24 April 2025

Acceptance date: 1 July 2025

Available online: 31 August 2025

Keywords:

Copyright Act 1987, Islamic law, copyright ethics, intellectual property, Malaysian legal framework, Akta Hak Cipta 1987, undang-undang Islam, etika hak cipta, harta intelek, kerangka perundangan Malaysia

Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Hasbullah, M., Shiyuti, H. A., Ismail, A. M., Salleh, A. M. & Zakaria, M. Z. (2025). Perlindungan hak cipta penulisan dari perspektif Islam dan undang-undang Malaysia: Copyright protection from the perspectives of Islam and Malaysian law. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 13(2), 365-380.
<https://doi.org/10.33102/mjsr.vol13no2.1181>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

Copyright is a fundamental form of intellectual property protection that ensures written works are not misused and that original creators receive due recognition. In today's digital era and the rapidly evolving publishing industry, copyright infringement has become increasingly prevalent, including within the Muslim community. Although civil legislation such as the Copyright Act 1987 has been enacted in Malaysia to address this issue, confusion persists among Muslim authors and publishers regarding the Islamic legal perspective on copyright. The central question is whether copyright is recognised as a legitimate form of property under Islamic law, and to what extent the protection provided by Malaysian law aligns with the principles of Islamic jurisprudence (*fiqh*). This study examines the concept of copyright in authorship from both Islamic legal and Malaysian legal perspectives, focusing on the moral and legal principles that uphold the rights of authors and their intellectual property. In Islam, the concepts of trust (*amanah*) and sincerity (*ikhlas*) play a crucial role in ensuring that intellectual creations are respected, consistent with Shariah principles that emphasize ethics in all forms of conduct, including writing and publishing. The study employs a textual analysis approach, reviewing fatwas and scholarly opinions on copyright, alongside a legal analysis of the provisions within the Copyright Act 1987. The findings highlight both the parallels and divergences between Islamic legal principles and Malaysian statutory provisions in safeguarding copyright. This research offers valuable insights into the harmony between civil and Shariah law in protecting authorship rights and proposes practical recommendations for Muslim writers and publishers in adhering to ethical and legal standards. Ultimately, this study contributes to greater awareness of the importance of copyright protection in fostering ethical scholarly development and responsible intellectual discourse.

ABSTRAK

Hak cipta merupakan satu bentuk perlindungan harta intelek yang penting dalam memastikan hasil penulisan tidak disalah guna dan pencipta asal mendapat pengiktirafan yang sewajarnya. Dalam era digital dan dunia penerbitan yang semakin berkembang pesat, isu pelanggaran hak cipta semakin ketara, termasuk dalam kalangan masyarakat Muslim. Walaupun undang-undang sivil seperti Akta Hak Cipta 1987 telah digubal bagi menangani isu ini, masih terdapat kekeliruan dalam kalangan penulis dan penerbit Muslim mengenai kedudukan hukum syariah terhadap hak cipta. Persoalan yang timbul adalah sama ada hak cipta ini diiktiraf sebagai harta yang sah dalam Islam, dan sejauh mana perlindungan yang diberikan oleh undang-undang Malaysia selari dengan prinsip fiqh. Kajian ini meneliti konsep hak cipta dalam penulisan daripada perspektif undang-undang Islam dan undang-undang di Malaysia, dengan memberi fokus kepada prinsip moral dan perundangan dalam menghormati hak penulis serta harta intelek mereka. Dalam Islam, konsep amanah dan keikhlasan memainkan peranan penting dalam memastikan hasil karya dihargai, selaras dengan kehendak syariah yang menitikberatkan etika dalam setiap urusan termasuk penulisan. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis tekstual terhadap pandangan ulama dan fatwa berkaitan hak cipta, serta analisis dokumen terhadap peruntukan dalam Akta Hak Cipta 1987. Dapatkan kajian menunjukkan persamaan dan perbezaan antara prinsip fiqh Islam dan peruntukan undang-undang Malaysia dalam melindungi hak cipta. Kajian ini memberi sumbangan penting kepada pemahaman masyarakat berkenaan keselarasan antara undang-undang sivil dan syariah dalam menjaga hak penulisan, serta menawarkan cadangan praktikal kepada penulis dan penerbit Muslim dalam mematuhi etika penulisan dan perundangan. Implikasinya, ia membantu meningkatkan kesedaran terhadap peranan perlindungan hak cipta dalam pembangunan intelektual dan penerbitan ilmiah yang beretika.

Pendahuluan

Dalam era digital yang pesat berkembang, perlindungan hak cipta telah menjadi isu kritikal global, terutamanya dalam industri kreatif dan akademik. Di Malaysia, terdapat sebanyak 13 kes dengan jumlah rampasan sebanyak RM326,344 oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang membabitkan pencabulan hak cipta telah berlaku (Rahim & Azmi, 2025), mencerminkan keperluan mendesak untuk mengkaji semula kerangka perlindungan sedia ada. Hak cipta, atau '*haq al-ibtikar*' dalam terminologi Islam (Sutisna & Mukhtar, 2021), bukan sekadar instrumen undang-undang tetapi juga mencerminkan prinsip etika yang mendalam dalam menghormati usaha intelektual.

Islam mengiktiraf hak cipta sebagai sebahagian daripada hak milik (*haq al-milkiyyah*) yang merangkumi hak ekonomi (*haq al-iqtisadi*) dan hak moral (*haq al-adabi*) (Sutisna & Mukhtar, 2021). Namun, sejarah menunjukkan bahawa perbincangan formal tentang hak cipta dalam fiqh klasik hanya muncul pada abad ke-19 melalui *Qanun Haq Al-Ta'lif* di Kerajaan Uthmaniyyah (Asari *et al.*, 2022). Ini berbeza dengan undang-undang sivil Malaysia seperti Akta Hak Cipta 1987 yang sudah tersusun rapi, memberikan perlindungan selama 50 tahun selepas kematian pencipta (Noor *et al.*, 2024). Jurang antara kedua-dua perundangan ini terutamanya dalam menangani cabaran digital adalah memerlukan analisis mendalam.

Walaupun prinsip Islam seperti amanah dan keadilan selari dengan konsep hak cipta moden (Al-Bukhari, 1978; Al-Bouti, 2001), aplikasinya dalam konteks undang-undang Malaysia masih kurang diterokai. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti cabaran perlindungan hak cipta dalam era digital dari perspektif Islam dan undang-undang sivil, serta menganalisis keserasian antara prinsip-prinsip Islam seperti amanah dan ikhlas dengan peruntukan dalam Akta Hak Cipta 1987.

Sorotan Literatur

Konsep dan Sejarah Hak Cipta

Hak cipta merujuk kepada perlindungan undang-undang yang diberikan kepada pencipta terhadap karya asli yang berbentuk sastera, muzik, seni, atau hasil kerja kreatif lain yang telah ditulis, direkod, atau diterbitkan dalam bentuk fizikal atau digital. Dalam konteks Islam ia dikenali sebagai '*haq al-ibtikar*' yang secara lafaznya bermaksud sebagai pemilikan atas suatu hak cipta yang baru diwujudkan. Sutisna dan Mukhtar (2021) menyatakan bahawa hak cipta di dalam konteks ini melayakkkan pemiliknya kepada hak ekonomi (*haq al-iqtisadi*) dan hak moral (*haq al-adabi*). Hak ekonomi membolehkan pemilik hak

cipta mendapat apa-apa manfaat kewangan dan kebendaan yang terhasil. Manakala hak moral membolehkan nama pemilik hak cipta sentiasa disebut dan dikaitkan dengan ciptaannya serta ia adalah hak kekayaan intelektual seseorang.

Menurut undang-undang hak cipta, pencipta karya berhak untuk mengawal pengeluaran, pengedaran, dan penggunaan karyanya serta berhak menerima ganjaran kewangan daripada hasil eksloitasi komersial karya tersebut. Hak cipta biasanya memberikan perlindungan sepanjang hayat pencipta dan tambahan beberapa dekad selepas kematiannya, bergantung kepada perundangan sesebuah negara. Sebagai contoh, di bawah Akta Hak Cipta 1987 di Malaysia, perlindungan hak cipta untuk karya sastera adalah selama 50 tahun selepas kematiian pencipta (Noor *et al.*, 2024).

Kepentingan hak cipta dalam penulisan adalah dua hala, iaitu dari sudut undang-undang dan juga etika. Dari sudut undang-undang, hak cipta berfungsi sebagai instrumen yang memastikan pencipta karya, khususnya penulis, menerima perlindungan daripada pencabulan hak seperti plagiat, penggunaan tanpa kebenaran, atau pengubahsuai karya tanpa izin. Perlindungan ini memberikan penulis kuasa eksklusif terhadap penggunaan hasil karya mereka, sekali gus menggalakkan inovasi dan kreativiti dalam dunia penulisan (McJohn, 2006b). Penulis dapat menguruskan hak cipta mereka dengan lebih efektif, sama ada melalui penerbitan komersial, pengedaran pendidikan, atau perlesenan hak cipta kepada pihak ketiga untuk kegunaan tertentu (Lessig, 2004).

Berkait dengan hak cipta di dalam penulisan, ianya tidak dibincangkan di dalam perbincangan awal perundangan Islam. Sebaliknya ia muncul pada kurun ke 19 Masihi di mana ia dicatatkan di dalam *Qanun Haq Al-Ta'lif* (Perundangan Hak Penerbitan), Kerajaan Khalifah Othman 1910 dan *Qanun Al-Maghribi* (Perundangan Maghribi) (Asari *et al.*, 2022). Asari *et al.*, (2022) juga menyatakan bahawa tiada seorang ulama memperincikan perihal ini kecuali hanya dibincangkan oleh Imam Al-Qarafi (meninggal tahun 684 hijrah bersamaan 1285 masihi) di dalam kitabnya bertajuk *Al-Furuq*.

Dari perspektif etika, hak cipta berkait rapat dengan prinsip moral yang menekankan kejujuran, keadilan, dan pengiktirafan terhadap usaha dan idea individu. Penulisan, seperti bentuk karya lain, memerlukan usaha kreatif dan intelektual yang signifikan. Apabila hasil penulisan seseorang dieksloitasi tanpa izin atau tanpa pengiktirafan yang sewajarnya, ia bukan sahaja melanggar undang-undang, tetapi juga mencabuli etika yang menekankan penghormatan terhadap hak harta intelek dan pengiktirafan kepada pemilik asal. Etika dalam penulisan menuntut agar setiap penulis diberikan penghargaan yang sewajarnya terhadap sumbangan intelektual mereka (Patterson, 2000).

Dalam konteks penyebaran ilmu dan budaya, penulisan memainkan peranan yang amat penting dalam Islam dan dunia moden. Sejarah Islam menunjukkan bahawa sejak zaman Rasulullah SAW, penulisan telah menjadi alat utama dalam merekod dan menyebarkan wahyu al-Quran, hadis, dan ilmu-ilmu keagamaan. Penulis-penulis awal seperti Zaid bin Thabit, yang menjadi jurutulis wahyu, memainkan peranan penting dalam memastikan mesej Islam disebarluaskan secara tepat dan tersusun (Al-Bukhari, 1978). Selain itu, ulama-ulama besar seperti Imam Syafie, Imam Al-Ghazali, dan Ibn Taimiyyah menggunakan medium penulisan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan yang kekal relevan sehingga ke hari ini (Al-Bouti, 2001).

Penulisan dalam konteks budaya moden pula mencakupi pelbagai bidang, termasuk sastera, akademik, dan penerbitan ilmiah. Di dunia moden, penulisan bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampaian ilmu, tetapi juga sebagai alat untuk membentuk pendapat, menyebarkan maklumat, dan memajukan budaya intelektual (Jones, 2020). Dalam era digital yang serba canggih, hasil penulisan mudah tersebar luas dan diakses melalui platform dalam talian, memberikan impak yang lebih besar dalam penyebaran ilmu dan maklumat kepada masyarakat global (Anderson, 2018). Kajian moden oleh Sutisna dan Mukhtar (2021) mencatatkan Islam tidak mempunyai halangan dalam mengiktiraf hak cipta sebagai sebuah harta yang perlu dihormati.

Namun begitu, perkembangan teknologi turut membawa cabaran tersendiri terhadap perlindungan hak cipta, khususnya dalam era digital di mana karya penulisan boleh diakses, dikongsi, dan dalam sesetengah keadaan, disalahgunakan dengan mudah (Lessig, 2004). Dalam keadaan ini, undang-undang hak cipta memainkan peranan kritikal untuk memastikan penulis tetap mendapat perlindungan yang sewajarnya walaupun dalam ruang digital. Penulis perlu diberi insentif melalui perlindungan hak cipta yang kukuh

agar mereka terus bermotivasi untuk menghasilkan karya yang bermanfaat kepada masyarakat. Dalam konteks ini, pengawalan dan penguatkuasaan undang-undang hak cipta perlu ditingkatkan bagi menangani cabaran-cabaran baru yang timbul dalam dunia penerbitan moden (Jones, 2020).

Secara keseluruhannya, hak cipta adalah asas penting dalam memastikan kelangsungan kreativiti dan penyebaran ilmu melalui penulisan. Perlindungan hak cipta bukan sahaja melindungi penulis dari segi undang-undang, tetapi juga menyokong prinsip moral dan etika yang penting dalam menghormati usaha intelektual individu. Dalam dunia moden yang semakin canggih, penulisan terus menjadi alat yang berkuasa untuk membentuk pemikiran, menyebarkan maklumat, dan memajukan masyarakat, sekaligus memerlukan perlindungan hak cipta yang lebih menyeluruh dan berkesan.

Perlindungan terhadap hasil intelektual serta keperluan menjaga keaslian dan integriti penulisan telah diakui oleh para ulama Islam sejak zaman Rasulullah SAW. Contohnya, jurutulis yang diamanahkan untuk menyalin wahyu al-Quran bertanggungjawab memastikan ketepatan dan amanah dalam setiap penyalinan wahyu (Rosyidah, 2024). Ini memperlihatkan kepentingan menjaga hak cipta dan keaslian dari perspektif keagamaan, sebagaimana yang digariskan dalam riwayat al-Bukhari mengenai keperluan pemeliharaan integriti ilmu melalui amalan yang Amanah (Nurseha *et al.*, 2020).

Pengkaji-pengkaji terkini mencatatkan bahawa hak cipta dianggap sebagai satu hak milik intelektual yang harus dipelihara dan dihormati serta layak diiktiraf sebagai satu harta yang boleh dipusatakan (Hanani & Yazid, 2024) dan diwakafkan (Lubis, 2020). Ibn Khaldun (2020) di dalam bukunya “*The Muqaddimah: An Introduction to History*” menyatakan bahawa pengambilan karya orang lain tanpa kebenaran adalah bersifat jahil dan tidak berakhlik. Ia adalah satu pelanggaran prinsip amanah dan keadilan yang digariskan oleh Islam. Sementara itu, Imam al-Ghazali menyatakan bahawa Ibn Ahmad melarang seseorang yang menjumpai karya ilmiah untuk menyalin semula karya tersebut tanpa mendapatkan keizinan penulis asal sungguhpun ianya bagi menggantikan balik helaian-helaian catatan asal yang telah hilang (al-Ghazali, 2020). Ini merupakan penegasan bahawa hasil karya penulis adalah amanah ilmiah yang perlu dipertahankan, tidak boleh diambil atau diselewengkan oleh pihak lain tanpa izin. Ini selari dengan kaedah fiqh, “*Al-dararu yuzal*” (kemudarat harus dihilangkan), yang menunjukkan bahawa tindakan mengambil karya tanpa kebenaran adalah satu kemudarat kepada penulis asal dan perlu dielakkan.

Majma‘ al-Fiqh al-Islami juga mengeluarkan fatwa pada tahun 1406 Hijrah yang menegaskan hak penulis ke atas karyanya, dan hak tersebut boleh diwarisi kepada ahli waris atau dikembalikan kepada baitulmal jika tiada waris. Ini selari dengan prinsip *haqq al-ibtikar* (hak cipta) dalam Islam yang merujuk kepada hak seseorang terhadap idea atau karya yang dihasilkan, selagi ia tidak bertentangan dengan syariah (Al-Islami, 1988). Menurut Ibn Hazm al-Zāhirī (t.th.), upah adalah dibolehkan di atas usaha mengajar Al-Quran, mengajar ilmu, menyalin al-Quran dan buku-buku pelajaran. Ini menandakan bahawa hak intelektual dan hak cipta adalah diterima di dalam Islam selagi mana ia tidak bertentangan dengan syarak

Dalam perkembangan undang-undang sivil pula, konsep hak cipta mula diterima secara formal melalui Statute of Anne di England pada tahun 1710, yang diiktiraf sebagai undang-undang hak cipta pertama di dunia (Joyce *et al.*, 2010). Statut ini memberikan hak eksklusif kepada penulis untuk mencetak dan menjual karya mereka untuk jangka masa tertentu. Perkembangan ini diteruskan ke seluruh dunia termasuk di Malaysia, melalui Akta Hak Cipta 1987 yang bertujuan melindungi pelbagai jenis karya termasuk penulisan, muzik, dan seni (Hamzah & Mustafa, 2008). Akta ini menyediakan kerangka undang-undang yang komprehensif untuk menjaga hak pencipta karya dan mengiktiraf keperluan melindungi hak cipta dalam dunia moden.

Fatwa yang dikeluarkan oleh Majma‘ al-Fiqh al-Islami pada tahun 1406H juga menyatakan bahawa penulis memiliki hak eksklusif ke atas karya mereka, yang boleh diwariskan kepada ahli waris atau dikembalikan kepada baitulmal jika tiada waris (Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, 2000). Ini menekankan bahawa hak cipta dilihat sebagai *haqq al-ibtikar* (hak inovasi) yang perlu dijaga, selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip syariah. Ibn Hazm dalam *Al-Muhalla* menyokong konsep ini, di mana beliau menyatakan bahawa hak seseorang terhadap karyanya adalah berdasarkan *al-'urf* (adat kebiasaan) yang diakui selagi ia tidak bercanggah dengan hukum syarak (Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, 2000). Seiring dengan prinsip syariah dan undang-undang sivil, perlindungan hak cipta bukan sahaja memastikan keadilan dan penghormatan terhadap karya penulis dan penerbit, tetapi juga menggalakkan inovasi dan penghasilan karya asli yang berkualiti tinggi.

Pengaruh Undang-Undang Hak Cipta terhadap Penulis dan Penerbit di Malaysia

Penggubalan Akta Hak Cipta 1987 di Malaysia telah memberi impak yang ketara kepada industri penulisan dan penerbitan. Akta ini melindungi pelbagai bentuk karya sastera seperti buku, manuskrip, artikel, dan syaran, memberikan penulis hak eksklusif untuk menerbit, mengedarkan, dan mengkomersialkan hasil karya mereka (Hamzah & Mustafa, 2008). Dengan adanya akta ini, penulis di Malaysia dapat mempertahankan hak mereka terhadap pelanggaran hak cipta, termasuk kes-kes peniruan dan penggunaan karya tanpa izin.

Bagi penerbit, undang-undang hak cipta berfungsi sebagai perlindungan penting yang menghalang eksplorasi karya secara tidak sah. Penerbit diwajibkan mendapatkan lesen atau kebenaran daripada penulis sebelum menerbitkan atau mengedarkan karya mereka. Undang-undang ini bukan sahaja melindungi penerbit daripada risiko undang-undang, tetapi juga menggalakkan penerbitan karya asli, yang seterusnya meningkatkan kualiti serta kreativiti dalam penulisan tempatan (Amanullah, 2006).

Namun, perkembangan teknologi digital memberi cabaran kepada penulis dan penerbit di Malaysia. Kemudahan penyebaran dalam talian menyebabkan peningkatan kes pencabulan hak cipta apabila karya dikongsi tanpa kebenaran. Walaupun Akta Hak Cipta 1987 merangkumi hak digital, penguatkuasaan di ruang maya masih memerlukan penambahbaikan bagi melindungi hak cipta dengan lebih efektif dalam era digital (Awang, 2016).

Dalam konteks Islam, konsep perlindungan hak cipta selaras dengan prinsip keadilan dan amanah, yang menjadi asas dalam menjaga harta intelektual seseorang. Taymiyyah (2005) sebagaimana dicatatkan di dalam Majmu'ah Al-Fatawa menyebut bahawa hak milik intelektual adalah satu bentuk kepunyaan yang mesti dihormati, manakala Al-Jauziyyah (1996) dalam *I'lam al-Muwaqqi'in* menekankan keadilan dalam setiap transaksi, termasuk penghormatan terhadap karya intelektual.

Kepentingan Kajian dalam Konteks Akademik dan Sosial

Kajian ini sangat penting kerana ia menangani isu hak cipta yang semakin mendesak dalam era digital, khususnya dalam konteks akademik dan penerbitan. Dalam dunia akademik, hak cipta berkait rapat dengan isu keaslian, plagiarisme, dan etika dalam penghasilan karya ilmiah. Kajian ini bertujuan memberi pencerahan tentang bagaimana penulis dan penerbit boleh melindungi karya mereka, serta memahami hak-hak mereka di bawah undang-undang hak cipta Malaysia dan prinsip Islam, seperti yang digariskan oleh para ulama dalam mengiktiraf hak milik intelektual (McJohn, 2006a). Dalam Islam, konsep ini juga merujuk kepada prinsip *amanah* dan *haqq al-ibtikar*, yang mengiktiraf hak seseorang terhadap karyanya dan melarang pengambilan atau peniruan tanpa izin (Al-Zuhayli, 1997).

Daripada sudut sosial, kajian ini bermanfaat bagi masyarakat umum dengan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menghormati hak cipta. Dalam dunia yang semakin digital, di mana maklumat mudah diakses dan disebarluaskan, pengetahuan mengenai hak cipta membantu membentuk masyarakat yang lebih beretika dan bertanggungjawab terhadap penggunaan karya intelektual. Imam al-Ghazali dalam *Ihya' Ulum al-Din* menekankan keperluan menjaga keadilan dalam setiap tindakan, termasuk menghormati hak individu terhadap hasil usaha mereka (Al-Ghazali, 2020). Penghormatan terhadap hak cipta juga menyokong pembangunan industri kreatif yang berdaya saing, dengan menggalakkan penghasilan karya asli yang bermutu tinggi dan inovatif (Birkbeck, 2016).

Selain itu, kajian ini mempunyai implikasi penting bagi pihak berkuasa undang-undang dan penggubal dasar di Malaysia. Penekanan Islam terhadap keadilan dan perlindungan hak peribadi, seperti yang dinyatakan dalam fatwa Majma' al-Fiqh al-Islami mengenai hak cipta, menjadi rujukan penting dalam memperkuatkannya perlindungan hak cipta. Fatwa ini menyatakan bahawa hak cipta dianggap sebagai milik penulis dan tidak boleh dieksplorasi tanpa kebenaran, selagi tidak bertentangan dengan syariah (Islamiy Fiqh Academy, 2000). Kajian ini mencadangkan penambahbaikan terhadap penguatkuasaan undang-undang hak cipta di dunia digital serta memberi pandangan tentang cara menggabungkan undang-undang sivil dan syariah bagi memastikan hak penulis dilindungi dengan adil. Pendekatan holistik ini dapat membantu Malaysia dalam memastikan keadilan hak cipta dilaksanakan dalam semua aspek, baik dari perspektif undang-undang sivil maupun syariah, selaras dengan prinsip *maslahah* dan *amanah* dalam Islam (El-Mesawi, 2006).

Konsep Hak Cipta dalam Islam

Penulisan merupakan salah satu instrumen penting dalam penyebaran ilmu di kalangan umat Islam. Sejarah penulisan dalam Islam bermula sejak penurunan wahyu kepada Rasulullah SAW, yang disampaikan dan kemudian direkodkan oleh para sahabat, termasuklah jurutulis seperti Zaid bin Thabit (Maulidya & Fauzi, 2023). Penulisan al-Quran dan hadis memainkan peranan besar dalam memastikan kelestarian ajaran Islam serta memudahkan penyebaran ilmu pengetahuan ke seluruh dunia Islam (Hashim, 2005; Hendrianto & Elfalahy, 2021; Arrasyid *et al.*, 2023). Penulisan ini seterusnya menjadi asas kepada perkembangan ilmu fiqh, tafsir, hadis, dan bidang-bidang ilmu lain yang berkaitan dengan agama. Karya-karya ulama seperti Imam al-Ghazali, Imam Syafi'i, dan Ibn Taimiyah membuktikan kepentingan penulisan dalam mewariskan ilmu kepada generasi seterusnya (Osman & Hassan, 2022), sekaligus menunjukkan bahawa Islam memberi nilai yang tinggi terhadap pemeliharaan hak penulisan dan intelektual.

Dalam konteks hak cipta, beberapa ulama Islam moden seperti Al-Syeikh Wahbah Zuhayli dan Syeikh Sa'id Ramadhan Al-Bouti telah membincangkan kepentingan melindungi hak penulisan sebagai sebahagian daripada harta intelek yang mesti dihormati dalam syariah (Al-Zuhayli, 1997). Menurut mereka, hak cipta dalam Islam dilihat sebagai satu bentuk *haqq al-milkiyyah* (hak milik) yang perlu dijaga dan dihormati. Islamiy Fiqh Academy (2000) menyatakan bahawa karya penulisan seseorang adalah miliknya dan tidak boleh dicabul atau digunakan tanpa kebenaran sah. Ini adalah penegasan bahawa amanah merupakan elemen utama dalam menggunakan karya orang lain, di mana pengiktirafan yang sewajarnya perlu diberikan kepada penulis asal apabila karyanya digunakan.

Prinsip-prinsip syarak yang berkaitan dengan hak cipta dan harta intelek juga boleh dirujuk kepada konsep amanah, keadilan, dan *maslahah* (kepentingan umum). Amanah dalam penulisan merujuk kepada tanggungjawab seseorang untuk menghormati dan menjaga keaslian karya orang lain, sementara keadilan menuntut agar kredit yang sewajarnya diberikan kepada penulis asal (Hamat, 2012). Dalam konteks ini, perbuatan plagiat atau penggunaan tanpa izin merupakan tindakan yang dilarang kerana ia melanggar prinsip asas keadilan dan amanah yang ditegaskan dalam al-Quran dan sunnah (Hamat, 2012). Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 58 berfirman, "*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya yang berhak*", suatu seruan yang boleh diterapkan dalam menjaga hak cipta intelektual.

Beberapa fatwa moden juga memperkuatkkan hak cipta sebagai harta yang sah dalam Islam. Majlis Fiqh Islami (OIC) dalam fatwanya pada tahun 1406H mengiktiraf hak cipta sebagai harta peribadi yang perlu dilindungi, mengharamkan pencabulan atau penyalahgunaan hak cipta tanpa izin pemiliknya (Islamiy Fiqh Academy, 2000). Ini selari dengan pendapat Imam Ibn Qudamah dalam *Al-Mughni*, yang menyatakan bahawa kezaliman terhadap hak milik adalah haram, dan penggunaan tanpa izin dianggap sebagai satu bentuk kezaliman (Ibn Qudamah, 1968).

Dery (2002) dalam kajiannya menegaskan bahawa keadilan perlu diamalkan dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam penghargaan terhadap hasil penulisan dan intelektual. Ini mencerminkan komitmen Islam untuk melindungi karya-karya asli bagi mengelakkan eksplotasi dan mengekalkan keaslian ilmu. Ulama seperti Ibn Ashur dalam *Maqasid al-Shariah* juga menyebut bahawa menjaga hak individu seperti hak cipta termasuk dalam usaha mencapai *maqasid shariah* (objektif syariah) iaitu menjaga harta (*hifz al-mal*) (El-Mesawi, 2006).

Selain itu, prinsip *maslahah* dalam Islam mendukung perlindungan hak cipta kerana ia membawa kebaikan kepada masyarakat umum (Susanto, 2020). Perlindungan ini memberi motivasi kepada penulis dan pencipta untuk terus menghasilkan karya yang bermutu, tanpa rasa bimbang terhadap penyalahgunaan atau pencurian idea. Pandangan ulama ini menunjukkan bahawa Islam bukan sahaja mengiktiraf hak cipta sebagai hak sah, tetapi juga mewajibkan pengawalan terhadapnya sebagai suatu bentuk kehormatan dan penghargaan terhadap ilmu dan kreativiti (Busyro, 2019).

Perlindungan Hak Cipta dalam Islam

Perlindungan hak cipta dalam Islam telah dibincangkan secara mendalam melalui pelbagai fatwa yang dikeluarkan oleh badan-badan ulama. Sebagai contoh, Islamic Fiqh Academy (2000) dalam Fatwa al-Majma' Fiqh Islami mengiktiraf bahawa penulis mempunyai hak eksklusif ke atas karya mereka, dan hak tersebut boleh diwarisi oleh ahli waris selepas kematian penulis, menunjukkan bahawa hak cipta diiktiraf sebagai sebahagian daripada harta yang sah dalam Islam. Ini bermaksud sebarang pelanggaran terhadap hak cipta penulisan, seperti penipuan, plagiarisme, atau penggunaan tanpa kebenaran, adalah bertentangan dengan syariah. Fatwa ini menggariskan bahawa hak cipta tidak boleh dipindahkan atau diubah tanpa persetujuan penulis asal, selari dengan prinsip *hifz al-mal* (pemeliharaan harta) yang ditetapkan dalam maqasid shariah (Hendrayana *et al.*, 2021).

Menurut pandangan Islam, hak milik intelektual adalah selari dengan prinsip keadilan (*al-'Adl*) dan amanah (*al-Amanah*). Amanah merujuk kepada tanggungjawab moral yang dipegang oleh penulis dan pengguna karya untuk menjaga keaslian serta integriti karya. Tanggungjawab ini termasuk penghargaan sewajarnya kepada sumber asal serta memastikan kandungan karya tidak diubah secara tidak bertanggungjawab (Shukor *et al.*, 2019). Dalam *Fath al-Bari*, Ibn Hajar al-'Asqalani menegaskan bahawa amanah dalam menggunakan karya orang lain (Al-Asqalani, 2011) melibatkan keperluan untuk menghormati hak asal dan mengelakkan tindakan menciplak atau mengubah kandungan asal tanpa izin, yang dilihat sebagai suatu kezaliman dan penindasan .

Konsep amanah ilmiah dan keadilan dalam penulisan turut diperkuatkan melalui prinsip ikhlas (ketulusan) dalam penulisan. Ikhlas menuntut bahawa niat penulis harus tulus, dan karya mereka tidak boleh digunakan untuk tujuan yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Al-Ghazali dalam karyanya *Ihya' Ulum al-Din* menekankan bahawa niat tulus dalam berkarya dan menyebarkan ilmu adalah aspek penting dalam Islam (Karim, 1978), yang menuntut supaya ilmu tidak digunakan secara tidak adil atau untuk kepentingan yang merugikan masyarakat.

Fatwa dari *Dar al-Ifta al-Misriyyah* juga mendukung perlindungan hak cipta dan melarang plagiarisme, menegaskan bahawa mencuri hak intelektual adalah seperti mengambil harta orang lain secara tidak sah (Jumaah, 2005). Ini sejalan dengan sabda Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Ahmad:

Terjemahan: Tidak halal harta seseorang itu melainkan dengan kerelaan hatinya.

(Musnad Ahmad, Hadis No. 20172)

Hadis ini menunjukkan bahawa hak intelektual sepatutnya diperlakukan dengan penuh hormat seperti harta fizikal. Harta intelek diakui sebagai salah satu bentuk harta yang sah dalam Islam, dan oleh itu, mesti dijaga haknya sesuai dengan undang-undang Islam.

Selain itu, dalam kitab *Maqasid al-Shariah*, Ibn Ashur menggariskan bahawa menjaga hak individu termasuk hak cipta adalah penting untuk mencapai objektif syariah, terutama dalam melindungi *hifz al-'aql* (pemeliharaan akal) dan *hifz al-mal* (El-Mesawi, 2006). Melindungi hak intelek secara tidak langsung mendorong inovasi, kreativiti, dan perkembangan ilmu yang bermanfaat, selari dengan prinsip maslahat umum. Pandangan ini juga selaras dengan fatwa dari *Majma' al-Fiqh al-Islami* yang menegaskan perlunya menghormati hak cipta dalam konteks digital dan mengharamkan penyalahgunaan karya di platform digital tanpa izin (Al-Islami, 1988).

Imam al-Nawawi dalam *al-Majmu'* turut menekankan pentingnya menjaga hak-hak orang lain, termasuk dalam bentuk penulisan, sebagai amalan amanah dan keadilan (Al-Nawawi, 2018). Perspektif ini menunjukkan bahawa Islam tidak hanya mengiktiraf hak cipta tetapi juga mewajibkan perlindungan hak ini sebagai satu bentuk penghormatan dan pengiktirafan terhadap kreativiti dan ilmu pengetahuan yang membawa manfaat kepada masyarakat.

Undang-Undang Hak Cipta di Malaysia

Di Malaysia, perlindungan hak cipta dikawal oleh Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332), yang melindungi pelbagai kategori karya seperti karya sastera, muzik, seni, filem, dan rakaman suara (Malaysia, 1987). Akta ini juga memberi perlindungan kepada karya penulisan, termasuk buku, manuskrip, artikel, dan ucapan yang dikategorikan sebagai karya asli. Akta Hak Cipta 1987 bertujuan melindungi hak intelektual

para pencipta dan memastikan mereka mempunyai hak eksklusif ke atas penggunaan, pengedaran, dan pengkomersialan karya mereka.

Asas penggubalan Akta Hak Cipta 1987 adalah sebahagian daripada usaha kerajaan Malaysia untuk mematuhi piawaian antarabangsa, termasuk Konvensyen Berne (*Berne Convention*) dan Konvensyen Hak Cipta Sejagat (*Universal Copyright Convention*). Kedua-dua konvensyen ini memberikan asas kepada perlindungan hak cipta di peringkat global dan memastikan bahawa pencipta di Malaysia mendapat perlindungan yang setara dengan pencipta di negara-negara lain yang menyertai konvensyen tersebut (MyIPO, 2003).

Jenis Karya yang Dilindungi oleh Akta Hak Cipta 1987

Akta Hak Cipta 1987 menetapkan kategori karya yang dilindungi, antaranya termasuk:

- i. Karya Sastera: merangkumi buku, risalah, artikel, manuskrip, dan karya lain yang diklasifikasikan sebagai asli.
- ii. Karya Seni: meliputi lukisan, patung, grafik, dan hasil seni yang lain.
- iii. Karya Muzik: termasuk komposisi muzik dan skor muzik.
- iv. Karya Filem dan Persembahan: merangkumi filem, drama, dan persembahan yang lain.
- v. Rakaman Bunyi: merangkumi lagu-lagu yang direkodkan, rakaman wawancara, dan lain-lain rakaman suara.

Perlindungan hak cipta memberikan hak eksklusif kepada pencipta untuk mengawal penggunaan, pengedaran, dan pengkomersialan karya mereka, yang bermaksud hanya pencipta atau pemegang hak cipta sah yang boleh menerbitkan atau memperbanyak karya tersebut (L. R. Patterson, 1993).

Syarat Perlindungan Hak Cipta

Untuk memenuhi syarat perlindungan di bawah Akta Hak Cipta 1987, karya tersebut mestilah:

- i. Bersifat Asli: Karya tersebut haruslah mencerminkan kreativiti dan usaha pencipta.
- ii. Direkodkan dalam Bentuk Fizikal: Karya tersebut mestilah direkodkan dalam bentuk fizikal, seperti penulisan, rakaman audio atau video.
- iii. Pemilikan dan Penerbitan di Malaysia: Pencipta karya mestilah merupakan warganegara Malaysia atau mempunyai pemastautin tetap di Malaysia. Karya yang pertama kali diterbitkan di Malaysia juga layak mendapat perlindungan.

Hak Eksklusif dan Perlindungan Jangka Masa

Akta Hak Cipta 1987 memberikan pencipta hak eksklusif yang meliputi hak untuk memperbanyak, mengadaptasi, menyiaran, dan menerbitkan karya mereka. Tempoh perlindungan hak cipta berbeza mengikut jenis karya. Misalnya, bagi karya sastera dan muzik, perlindungan hak cipta berlangsung selama hayat pencipta dan berlanjutan sehingga 50 tahun selepas kematiannya. Perlindungan ini memastikan bahawa ahli waris pencipta turut mendapat manfaat daripada karya tersebut, sekaligus menggalakkan lebih banyak penciptaan yang berkualiti di Malaysia.

Cabarau Perlaksanaan Hak Cipta dalam Era Digital

Perkembangan teknologi digital memberikan cabaran baharu dalam penguatkuasaan Akta Hak Cipta 1987. Penularan kandungan melalui platform digital seperti internet, media sosial, dan peranti mudah alih memudahkan akses dan penyebaran karya, tetapi pada masa yang sama meningkatkan risiko pelanggaran hak cipta seperti penyalinan tanpa izin dan plagiarisme. Untuk mengatasi cabaran ini, *Perbadanan Harta Intelek Malaysia* (MyIPO) telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan hak cipta dan memperkuuh penguatkuasaan undang-undang berkaitan.

Secara keseluruhannya, Akta Hak Cipta 1987 memainkan peranan penting dalam melindungi karya intelek di Malaysia, dengan memastikan pencipta mendapat ganjaran yang sewajarnya dan menjaga integriti serta hak moral mereka.

Metodologi Kajian

Pendekatan Penyelidikan

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, yang memberi penekanan kepada analisis teks dan interpretasi makna berdasarkan konteks. Pendekatan ini sesuai kerana kajian ini bertujuan untuk memahami prinsip-prinsip Islam mengenai hak cipta dan membandingkannya dengan peruntukan undang-undang sivil, khususnya Akta Hak Cipta 1987 di Malaysia. Melalui analisis kualitatif, kajian ini akan menyelidik bagaimana konsep hak cipta difahami dalam syariah, yang merangkumi prinsip amanah dan ikhlas dalam etika penulisan.

Dalam pendekatan ini, teks-teks fiqh dan fatwa ulama kontemporari yang berkaitan dengan hak cipta akan dianalisis bagi memahami bagaimana syariah memberi panduan tentang perlindungan hak cipta dalam penulisan. Pendekatan ini juga melibatkan kajian terhadap dokumen undang-undang sivil, seperti Akta Hak Cipta 1987, bagi membandingkan sejauh mana perlindungan hak cipta sivil dapat disejajarkan dengan prinsip-prinsip syariah. Analisis kualitatif ini bukan sahaja bertujuan untuk menjelaskan konsep hak cipta dari sudut undang-undang Islam dan sivil, tetapi juga untuk melihat bagaimana kedua-dua sistem ini dapat berfungsi selari dalam konteks perlindungan hak penulis di Malaysia.

Sumber Data

Data primer yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada fatwa, akta, dan dokumen-dokumen undang-undang yang berkaitan dengan hak cipta di Malaysia. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh badan-badan fiqh seperti al-Majma' al-Fiqhiyy al-Islamiyy dan ulama-ulama kontemporari yang membincangkan isu hak cipta dari perspektif Islam akan dikaji secara mendalam. Fatwa-fatwa ini akan dijadikan rujukan utama dalam memahami pandangan syariah terhadap perlindungan hasil penulisan.

Selain itu, Akta Hak Cipta 1987 di Malaysia akan dijadikan sumber utama bagi menganalisis perlindungan undang-undang sivil terhadap hak cipta penulisan. Akta ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang relevan dengan perlindungan karya penulisan dan kategori-kategori karya yang layak mendapat perlindungan. Analisis terhadap akta ini akan membolehkan kajian ini menilai sejauh mana undang-undang sivil melindungi penulis, sama ada dalam bentuk cetakan atau digital.

Kajian ini juga akan menggunakan data sekunder, yang terdiri daripada kajian literatur terdahulu yang membincangkan isu hak cipta dalam Islam dan undang-undang sivil. Sumber-sumber ini merangkumi karya-karya ulama terdahulu dan kontemporari, seperti tulisan Ibn Khaldun dan Syeikh Sa'iid Ramadhan Al-Bouti, yang menekankan konsep hak cipta sebagai salah satu hak harta yang perlu dilindungi oleh syariah. Sumber sekunder juga akan merangkumi kajian-kajian akademik daripada pakar perundangan yang menganalisis Akta Hak Cipta 1987 dan isu-isu semasa yang berkaitan dengan pencabulan hak cipta dalam konteks digital. Dengan gabungan data primer dan sekunder, kajian ini akan dapat memberi gambaran yang lebih holistik mengenai konsep perlindungan hak cipta dalam kedua-dua kerangka undang-undang Islam dan sivil.

Kaedah Analisis

Analisis Perbandingan antara Prinsip Islam dan Undang-Undang Malaysia terhadap Hak Cipta

Kajian ini menggunakan kaedah analisis perbandingan untuk memahami bagaimana prinsip-prinsip syariah berkaitan hak cipta dapat dibandingkan dengan peruntukan undang-undang hak cipta di Malaysia. Pendekatan perbandingan ini membolehkan penilaian terhadap persamaan dan perbezaan antara kedua-dua sistem, terutamanya dalam aspek penghormatan terhadap hak penulis, pengharaman plagiarisme, dan perlindungan hasil penulisan dari eksplorasi yang tidak sah.

Analisis perbandingan memfokuskan kepada dua elemen utama iaitu: amanah dan ikhlas dalam syariah, berbanding dengan hak moral dan hak ekonomi yang dilindungi di bawah undang-undang sivil. Amanah merujuk kepada tanggungjawab seseorang untuk menjaga keaslian karya intelek orang lain, sementara ikhlas menuntut ketulusan dalam penghasilan karya tanpa motif komersial semata-mata. Di sisi undang-undang sivil, penekanan diberikan kepada hak moral penulis untuk mengekalkan integriti karya mereka dan hak ekonomi untuk menerima ganjaran daripada eksloitasi karya mereka.

Penggunaan Contoh Kes Penulisan yang Dilindungi oleh Undang-Undang Malaysia dan Syariah Islam

Kajian ini juga akan menggunakan contoh kes yang melibatkan pencabulan hak cipta dalam penulisan, terutamanya dalam konteks Malaysia, untuk memberi gambaran yang lebih jelas mengenai perlindungan hak cipta. Kes-kes ini akan dianalisis untuk melihat bagaimana undang-undang hak cipta di Malaysia diaplikasikan dalam realiti, serta sejauh mana syariah boleh menyumbang kepada penyelesaian isu-isu ini. Dalam menggunakan contoh kes, kajian ini akan memberi perhatian kepada isu-isu yang timbul dalam era digital, seperti plagiarisme dalam talian dan penggunaan tanpa izin karya intelektual dalam platform digital. Contoh-contoh ini akan dianalisis berdasarkan peruntukan undang-undang sivil dan prinsip syariah, dengan tujuan untuk mengenal pasti ruang lingkup perlindungan yang boleh diperbaiki dan diselaraskan dengan keperluan semasa. Dengan kaedah ini, kajian ini akan memberi sumbangan penting dalam memahami bagaimana konsep hak cipta dalam Islam dan undang-undang sivil Malaysia boleh bekerjasama untuk melindungi hasil intelektual penulis secara berkesan.

Dapatkan Kajian

Perbandingan Perspektif Islam dan Undang-Undang Malaysia

Prinsip-prinsip Islam dan undang-undang sivil di Malaysia mempunyai persamaan dalam melindungi hak cipta, terutama dari segi pengiktirafan hak pencipta dan pengharaman penggunaan tanpa izin. Dalam Islam, prinsip amanah (kepercayaan) dan keadilan merupakan asas penting dalam melindungi hak penulis. Islam menekankan bahawa setiap individu mestи menghormati karya intelektual orang lain dengan berlaku jujur dan adil, serta tidak mengubah atau menggunakan karya tersebut tanpa persetujuan. Prinsip-prinsip ini dapat dilihat dalam pandangan tokoh seperti Ibn Khaldun dan Syeikh Sa'id Ramadhan Al-Bouti, yang berpendapat bahawa karya intelektual dianggap sebagai harta yang harus dihormati dan dijaga (Ibn Khaldun, 2000), dengan pelanggaran hak cipta dilihat sebagai melanggar amanah dan keadilan yang dianjurkan oleh syariah (al-Būṭī, 1998).

Di Malaysia, undang-undang hak cipta yang dikuatkuasakan melalui Akta Hak Cipta 1987 berperanan melindungi hak pencipta dengan memberikan hak eksklusif terhadap karya mereka. Ini sejajar dengan prinsip Islam yang mengiktiraf hak pemilikan seseorang terhadap hasil karyanya. Akta Hak Cipta 1987 memberi perlindungan bagi karya sastera, muzik, seni, filem, dan rakaman suara untuk memastikan bahawa pencipta mempunyai kuasa untuk mengawal penggunaan dan pengkomersialan karya mereka (MyIPO, 2020).

Perbezaan Perspektif dan Pendekatan

Walaupun terdapat persamaan dalam objektif perlindungan, terdapat perbezaan dalam pendekatan kedua-dua sistem ini. Dalam undang-undang sivil, hak cipta lebih banyak ditekankan kepada aspek komersial, yang memberi hak kepada pencipta untuk mengaut keuntungan daripada karya mereka melalui hak eksklusif dan kebolehan memindahkan hak kepada pihak lain. Undang-undang ini mengiktiraf hak cipta sebagai aset yang boleh diwariskan atau dipindahkan untuk tujuan komersial. Dalam Islam pula, meskipun hak cipta diiktiraf, tumpuan diberikan kepada tanggungjawab moral dan sosial dalam menjaga hak penulis. Prinsip ikhlas dalam Islam menuntut agar niat pencipta dalam berkarya adalah demi kemaslahatan ummah, bukan hanya untuk keuntungan peribadi (Karim, 1978). Ulama seperti Ibn Qayyim dalam *al-Fawaid* juga menegaskan pentingnya niat yang tulus dalam sebarang amalan, termasuk dalam berkarya, supaya karya tersebut bermanfaat kepada masyarakat.

Penerapan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Hak Cipta

Undang-undang hak cipta di Malaysia memerlukan pengukuhan dalam menghadapi cabaran semasa, terutama dalam dunia digital. Dengan penularan karya digital di internet, ancaman terhadap pencabulan hak cipta semakin meningkat. Pihak berkuasa di Malaysia berusaha mempertingkatkan penguatkuasaan, namun cabaran ini memerlukan tindakan yang lebih holistik untuk memastikan hak cipta tidak disalahgunakan. Di sinilah prinsip Islam, seperti konsep *hisbah* (tanggungjawab sosial dalam menjaga etika masyarakat) boleh diterapkan dalam undang-undang sivil bagi memperkuatkan aspek moral dan tanggungjawab terhadap karya intelektual (Rozi, 2019). Menurut Ibn Taymiyyah, *hisbah* bertujuan melindungi masyarakat daripada amalan yang bertentangan dengan etika Islam, termasuk pelanggaran hak cipta yang merosakkan hak dan kesejahteraan orang lain (Rozi, 2019).

Menyepadukan Prinsip Islam dalam Undang-Undang Hak Cipta

Penerapan prinsip Islam dalam undang-undang hak cipta Malaysia berpotensi untuk memperkuat elemen tanggungjawab moral dalam melindungi karya penulisan dan intelektual. Contohnya, prinsip *maqasid syariah*, yang bertujuan menjaga hak asasi manusia, termasuk hak intelektual, boleh membantu mengukuhkan peraturan hak cipta Malaysia dengan nilai-nilai Islam yang mementingkan keadilan, amanah, dan kemaslahatan. Para ulama kontemporari seperti Dr. Yusuf al-Qaradawi menekankan bahawa prinsip *maqasid syariah* boleh diterapkan dalam konteks hak cipta bagi memastikan ia melindungi hak penulis tanpa mengabaikan keperluan sosial untuk penyebaran ilmu yang bermanfaat (Al-Qaradawi, 2017).

Jadual 1. Menunjukkan perbandingan melalui perspektif Islam dan undang-undang Hak cipta Malaysia

Aspek	Perspektif Islam	Undang-Undang Hak Cipta Malaysia
Konsep Asas	Prinsip amanah (kepercayaan) dan keadilan yang mengharuskan penghormatan terhadap karya intelektual orang lain.	Hak eksklusif diberikan kepada pencipta melalui Akta Hak Cipta 1987 untuk melindungi dan mengawal karya mereka.
Niat dalam Berkarya	Penekanan kepada ikhlas dalam berkarya, di mana karya seharusnya bermanfaat untuk umat dan bukan semata-mata untuk keuntungan.	Menekankan hak komersial pencipta untuk mengeksplorasi karya mereka untuk tujuan keuntungan dan boleh diwariskan.
Jenis Karya yang Dilindungi	Semua bentuk karya intelektual yang memenuhi syarat keaslian dan manfaat umum.	Termasuk karya sastera, muzik, seni, filem, rakaman suara, dan persembahan.
Pengiktirafan Hak Penulis	Hak cipta dianggap sebagai harta yang perlu dijaga, dengan penghargaan dan kredit kepada penulis asal diutamakan.	Memberi hak eksklusif kepada pencipta untuk menerbitkan, memperbanyak, dan mengedarkan karya mereka.
Hak Milik dan Warisan	Hak cipta dilihat sebagai aset intelektual yang boleh diwarisi, tetapi harus digunakan dengan amanah dan mengikut etika syariah.	Boleh diwariskan dan dipindah milik kepada pihak lain, dengan perlindungan hak hingga 50 tahun selepas kematian pencipta.
Perlindungan dalam Era Digital	Islam menekankan hisbah untuk menjaga etika dalam masyarakat, termasuk terhadap pencabulan hak dalam talian.	Penguatkuasaan melalui undang-undang, namun masih terdapat cabaran dalam menangani pelanggaran hak cipta digital secara efektif.
Prinsip Tanggungjawab Sosial	Karya intelektual perlu bermanfaat bagi kemaslahatan ummah, dengan niat tulus dalam menjaga integriti dan amanah terhadap karya.	Pencipta memiliki hak komersial sepenuhnya, namun kurang penekanan pada tanggungjawab sosial secara spesifik dalam undang-undang.
Penambahbaikan	Menambah aspek maqasid syariah untuk menyelaraskan perlindungan hak cipta dengan nilai Islam, seperti keadilan dan kemaslahatan.	Pengukuhan penguatkuasaan terhadap pencabulan hak cipta dalam talian dan pengemaskinian akta selaras dengan cabaran digital.

Secara keseluruhannya, kedua-dua sistem, iaitu prinsip Islam dan undang-undang hak cipta Malaysia, berperanan penting dalam melindungi hak cipta dengan menekankan penghormatan terhadap karya orang lain. Walau bagaimanapun, penerapan prinsip Islam dalam undang-undang sivil dapat memperkuatkan tanggungjawab moral dan sosial, menjadikan perlindungan hak cipta lebih komprehensif dan beretika dalam era digital yang mencabar.

Perbincangan

Prinsip Amanah dan Ikhlas dalam Penulisan Menurut Islam

Dalam Islam, amanah dan ikhlas merupakan dua konsep asas yang berkaitan dengan etika penulisan dan hak cipta. Amanah menekankan kewajipan menjaga keaslian dan integriti karya intelektual orang lain. Ini bermaksud, penulis atau pengguna karya perlu memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada pencipta asal, serta tidak menyalahgunakan atau meminda karya tanpa kebenaran. Allah SWT dalam Surah An-Nisa' menyebut:

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya).

(Surah An-Nisa', 4:58)

Amanah dalam konteks ini menuntut integriti dan ketelusan dalam penggunaan hasil intelektual yang menekankan pentingnya pengiktirafan kepada penulis asal (Gopur, 2018). Ikhlas pula merujuk kepada niat yang tulus dalam berkarya, iaitu penulis harus menghasilkan karya dengan tujuan untuk menyebarkan kebenaran dan manfaat, bukan semata-mata untuk keuntungan peribadi. Imam Al-Ghazali dalam karyanya menekankan bahawa amalan yang dilakukan dengan niat yang ikhlas mempunyai nilai yang lebih tinggi di sisi Allah SWT (Azaman & Badaruddin, 2016). Rasulullah SAW juga bersabda:

Terjemahan: Sesungguhnya setiap perbuatan itu bergantung kepada niat, dan setiap orang akan mendapat balasan berdasarkan niatnya.

(Al-Bukhari, Hadis No. 1).

Dalam konteks hak cipta, ikhlas menuntut agar penulis tidak menggunakan karya orang lain tanpa izin, dan memastikan karya mereka dihasilkan untuk tujuan yang bermanfaat kepada masyarakat, selaras dengan etika Islam (Keddie, 1963).

Prinsip-prinsip ini menekankan pentingnya integriti dalam penulisan dan pengiktirafan kepada penulis asal, yang merupakan salah satu bentuk penghormatan terhadap hak cipta menurut Islam (Keddie, 1963). Oleh itu, prinsip amanah dan ikhlas memberi panduan etika yang penting dalam menjaga hak cipta, yang dapat membantu membentuk industri penulisan yang lebih bertanggungjawab.

Analisis Akta Hak Cipta 1987 dalam Melindungi Penulisan

Akta Hak Cipta 1987 di Malaysia merupakan instrumen undang-undang utama yang melindungi hak cipta dalam pelbagai bentuk karya, termasuk penulisan. Akta ini melindungi karya sastera seperti buku, artikel, risalah, dan manuskrip, serta memberi hak eksklusif kepada pencipta untuk mengawal penggunaan dan pengedaran karya mereka. Ini termasuk hak ekonomi untuk mendapatkan manfaat komersial daripada penerbitan karya tersebut dan hak moral yang melindungi reputasi penulis dengan memastikan bahawa sebarang penggunaan karya tidak akan menjelaskan nama baik atau kredibiliti mereka (Keddie, 1963).

Di bawah Akta Hak Cipta 1987, terdapat beberapa kategori karya yang dilindungi, termasuk karya sastera, muzik, filem, dan rakaman bunyi. Hak cipta memberikan penulis hak eksklusif untuk mengawal pengeluaran dan pengedaran karya mereka serta memastikan bahawa karya tersebut tidak digunakan tanpa izin. Perlindungan ini meliputi hak moral, yang melindungi reputasi penulis dengan memastikan bahawa sebarang penggunaan karya tidak akan menjelaskan nama baik atau kredibiliti mereka (Mukhtar, 2018).

Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap pencabulan hak cipta termasuk tuntutan ganti rugi, injunksi untuk menghentikan penggunaan karya tanpa izin, serta hak untuk menghapuskan salinan karya yang melanggar hak cipta. Dalam kes pencabulan hak cipta, penulis boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang melanggar hak mereka melalui saman sivil (Mukhtar, 2018). Akta ini

memperuntukkan bahawa hak cipta dilindungi selama tempoh hayat penulis dan tambahan 50 tahun selepas kematiannya, selaras dengan piawaian antarabangsa seperti Konvensyen Berne (Burger, 1988). Ini memberikan tempoh perlindungan yang cukup untuk memastikan bahawa penulis atau waris mereka mendapat manfaat yang sewajarnya daripada karya yang dihasilkan.

Isu dan Cabaran dalam Perlindungan Hak Cipta di Malaysia

Walaupun Akta Hak Cipta 1987 menawarkan perlindungan yang menyeluruh, terdapat beberapa isu dan cabaran dalam pelaksanaan undang-undang ini di Malaysia. Salah satu masalah utama adalah pencabulan hak cipta yang sering berlaku dalam bidang akademik dan penerbitan. Plagiat, atau penggunaan karya akademik tanpa izin atau pengiktirafan yang sewajarnya, telah menjadi isu yang meluas, terutamanya dalam kalangan pelajar dan penyelidik. Ini bukan sahaja menimbulkan isu etika, tetapi juga memberi kesan kepada kualiti penyelidikan akademik.

Cabaran yang lebih besar timbul dengan perkembangan teknologi digital, di mana karya penulisan mudah diakses dan disebarluaskan secara dalam talian. Penerbitan elektronik dan platform digital menjadikan karya lebih mudah terdedah kepada pencabulan hak cipta. Pelanggaran hak cipta digital sering berlaku apabila karya akademik, artikel, atau e-buku dimuat turun dan diedarkan tanpa kebenaran. Walaupun undang-undang hak cipta Malaysia meliputi perlindungan terhadap karya digital, penguatkuasaan dalam ruang siber masih menjadi cabaran yang besar.

Selain itu, kurangnya kesedaran mengenai hak cipta dalam kalangan penulis dan penerbit, terutamanya di sektor penerbitan kecil dan sederhana, menyebabkan mereka terdedah kepada risiko pencabulan hak cipta tanpa tindakan yang sewajarnya. Isu ini juga melibatkan kos yang tinggi untuk membawa kes ke mahkamah, yang sering kali menjadi halangan kepada penulis dalam mendapatkan perlindungan undang-undang terhadap karya mereka.

Terdapat beberapa kes telah menunjukkan wujudnya cabaran dalam perlindungan hak penulisan apabila berlaku pelanggaran hak cipta. Sebagai contoh, dalam kes *Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd v Penerbitan Sarjana Sdn Bhd* (1996) 1 MLJ 329, mahkamah memutuskan bahawa berlaku pelanggaran hak cipta apabila karya asal diterbitkan semula dengan hanya sedikit pengubahsuaian, tanpa kebenaran pemilik hak cipta. Begitu juga dalam kes *Pearson Education South Asia Pte Ltd & Ors v Syed Saiful Anuar bin Syed Jalaludin & Ors* (2008) 7 MLJ 733, mahkamah mendapati bahawa salinan tidak sah buku teks universiti telah dijual kepada pelajar tanpa kebenaran, yang jelas melanggar hak cipta asal penerbit.

Selain itu, terdapat juga kes yang memperlihatkan penulis tidak mendapat perlindungan yang sewajarnya terhadap hasil karya mereka. Contohnya, dalam kes *Re Amanah Raya Bhd* (2014) MLJU 1134, isu hak milik dan pemindahan hak cipta daripada penulis asal kepada pihak ketiga menimbulkan pertikaian apabila kontrak yang tidak jelas menyebabkan hak cipta tidak dapat ditegaskan secara sah. Hal ini menimbulkan persoalan tentang keperluan dokumen kontrak yang jelas dan pengurusan hak secara profesional oleh penulis maupun penerbit.

Kes-kes ini menjelaskan tentang kepentingan perlindungan undang-undang terhadap karya penulisan, terutama dalam konteks industri penerbitan yang terdedah kepada eksploitasi dan pelanggaran hak cipta. Ia bukan sahaja hasil kreativiti tetapi juga merupakan sumber ekonomi yang memerlukan pemeliharaan menerusi undang-undang yang efektif dan penguatkuasaan yang tegas.

Kepentingan Etika dalam Melindungi Hak Cipta

Etika memainkan peranan penting dalam melindungi hak cipta, khususnya dalam memastikan bahawa penulis dan pencipta karya intelektual diberi pengiktirafan dan ganjaran yang sewajarnya. Dalam Islam, prinsip-prinsip seperti amanah dan keadilan menggariskan kepentingan memberi penghargaan kepada penulis asal dan tidak menggunakan karya intelektual orang lain tanpa izin. Penulis yang menyalahgunakan amanah dengan mencuri atau menyalin karya tanpa pengiktirafan melanggar prinsip asas keadilan dalam Islam.

Undang-undang sivil seperti Akta Hak Cipta 1987 berfungsi untuk melindungi hak penulis secara sah, tetapi perlindungan undang-undang sahaja tidak mencukupi tanpa sokongan dari segi kesedaran moral. Penguatkuasaan undang-undang hak cipta perlu disertai dengan peningkatan kesedaran mengenai pentingnya etika dalam penulisan, terutamanya dalam kalangan penulis dan pengguna karya intelektual. Hubungan antara prinsip Islam dan undang-undang sivil boleh membantu memperkuat perlindungan hak cipta melalui nilai-nilai moral dan etika yang lebih mendalam, yang merangkumi tanggungjawab untuk menghormati karya orang lain dan memelihara keaslian serta integriti intelektual.

Dengan adanya perlindungan undang-undang yang kuat dan etika yang kukuh, sistem hak cipta di Malaysia dapat diperkuat, bukan sahaja dari sudut ekonomi tetapi juga dari segi integriti intelektual. Kesedaran terhadap tanggungjawab moral dalam melindungi hak cipta akan membentuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan menghargai nilai intelektual dalam pelbagai bidang.

Kesimpulan

Kajian ini telah membentangkan penemuan utama mengenai perlindungan hak cipta dalam konteks Islam dan undang-undang Malaysia, serta menekankan kepentingan etika dalam melindungi karya penulisan. Dalam Islam, prinsip-prinsip seperti amanah dan ikhlas memberikan asas yang kukuh untuk melindungi hak cipta penulisan. Islam memandang hak cipta sebagai sebahagian daripada hak harta intelek yang perlu dihormati dan dilindungi. Melalui konsep amanah, Islam meletakkan tanggungjawab kepada setiap penulis dan pengguna karya untuk memastikan keaslian karya intelektual dipelihara dan memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada pencipta asal. Begitu juga dengan ikhlas, yang menuntut agar penulisan dilakukan dengan niat yang tulus dan demi manfaat umat, bukan sekadar untuk keuntungan material. Akta Hak Cipta 1987 pula merupakan perundangan utama yang melindungi hak cipta di Malaysia. Akta ini memberi kuasa eksklusif kepada penulis untuk mengawal penggunaan dan penerbitan karya mereka, serta melindungi hak moral mereka dari segi reputasi dan integriti karya. Akta ini juga selari dengan standard antarabangsa seperti Konvensyen Berne, yang memberikan perlindungan menyeluruh kepada karya intelektual dalam bentuk cetakan dan digital. Walaupun terdapat perlindungan yang signifikan di bawah undang-undang sivil, kajian ini juga menekankan perlunya kesedaran etika di kalangan penulis dan pengguna karya intelektual untuk melindungi hak cipta dengan lebih berkesan. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa perlindungan hak cipta bukan sahaja bergantung kepada undang-undang sivil, tetapi juga bergantung kepada penghayatan etika Islam dan prinsip moral dalam menjaga hak cipta. Ini menunjukkan bahawa kerjasama antara prinsip syariah dan undang-undang sivil adalah penting dalam mempromosikan amalan penulisan yang bertanggungjawab dan menghormati hak penulis.

Kajian ini membuka beberapa ruang untuk penyelidikan lanjutan, terutamanya dalam konteks perlindungan hak cipta di negara-negara Islam dan cabaran yang dihadapi dalam era digital. Salah satu cadangan utama untuk penyelidikan lanjutan adalah untuk membandingkan perundangan hak cipta antara Malaysia dan negara-negara Islam lain. Perbandingan ini boleh memberi gambaran yang lebih jelas mengenai bagaimana prinsip-prinsip syariah diterapkan dalam konteks perlindungan hak cipta di pelbagai negara. Sebagai contoh, kajian mengenai hak moral dan hak ekonomi dalam undang-undang hak cipta di negara-negara Islam dapat memberikan pandangan tentang bagaimana perundangan Islamik dan sivil berinteraksi dalam konteks perlindungan hak cipta. Cabaran yang dihadapi oleh undang-undang hak cipta semakin meningkat dengan perkembangan teknologi digital. Kajian lanjutan boleh meneliti bagaimana hak cipta dapat dilindungi dengan lebih berkesan dalam era digital, terutamanya dalam konteks platform dalam talian, penerbitan digital dan *artificial Intelligence* (AI). Dalam konteks Islam, cabaran ini juga melibatkan isu-isu etika yang berkaitan dengan penggunaan karya tanpa izin dalam platform digital. Kajian mengenai peranan syariah dalam menangani pencabulan hak cipta digital boleh memberikan sumbangan penting kepada pemahaman kita mengenai perundangan hak cipta yang lebih holistik dalam dunia moden. Dengan penyelidikan lanjut dalam bidang-bidang ini, kita boleh mengembangkan lagi pemahaman tentang perlindungan hak cipta dalam konteks Islam dan sivil, serta mengenal pasti pendekatan yang lebih berkesan untuk menangani cabaran semasa dalam dunia penerbitan dan penulisan.

Rujukan

- Al-Asqalani, I. H. (2011). *Fath al-Bari*. Dar Al-Ma'rifah.
- Al-Bukhari, M. (1978). *Sahih al-Bukhari*. Dar Ul-Hadith.
- Al-Būtī, S. R. (1998). *Naṣāriyyat al-Iltizām al-‘Ām fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Teori kontrak umum dalam Syariah Islam). Dār al-Fikr.
- Al-Ghazali, A. H.M. (2020). *Ihya Uluムuuddin: Menghidupkan Ilmu-ilmu Agama* (H. Zakaria, Terj., Jilid. 1-4). Pustaka Nasional.
- Al-Islami, A.-R. A.-A. (1988). *Majma’ al-Fiqh al-Islami*. The Islamic Fiqh Council.
- Al-Nawawi. (2018). *Al-Majmoo’: Explanation of the Muhadhab of Imam Al-Nawawi*. Dar Al-Muqtabis.
- Al-Qaradhawi, S. D. Y. (2017). *Fiqih Maqashid Syariah: Moderasi Islam antara aliran textual dan aliran liberal*. Pustaka Al-Kautsar.
- Al-Zuhayli, W. (1997). *Al-fiqh al-Islami wa ‘adillatuhu*. Dar Al-Fikr.
- Amanullah, M. (2006). Author’s copyright: An Islamic perspective. *The Journal of World Intellectual Property*, 9(3), 301–315. <https://doi.org/10.1111/j.1422-2213.2006.00279.x>
- Arrasyid, F., Pagar, P., Tanjung, D., & Mohd Nor, M. R. (2023). The progressivity of Umar Ibn Al-Khattab’s ijtiihad in responding to community social changes. *Al-Istinbath*, 8(1), 21–21. <https://doi.org/10.29240/jhi.v8i1.4872>
- Asari, A., Pradhana, T. A., Averro, M. F., & Firdaus, M. I. (2022). Theory of rights in Islamic economic law and its relation to intellectual property rights. *Al-Iktisab: Journal of Islamic Economic Law*, 6(2), 169–188.
- Awang, H. (2016). Ekspresi budaya tradisional dalam era dunia tanpa sempadan: Cabaran terkini. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 6, 1–16. <https://doi.org/10.51200/ga.v6i.510>
- Azaman, F. N. M., & Badaruddin, F. (2016). Nilai-nilai kerohanian dalam pembangunan modal insan menurut al-Ghazali. *UMRAN Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3(1), 11–27.
- Birkbeck, C. D. (2016). *The World Intellectual Property Organization (WIPO): A reference guide*. Edward Elgar Publishing.
- Burger, P. (1988). The Berne Convention: Its history and its key role in the future. *Journal of Law and Technology*, 3, 1–69.
- Busyro, M. A. (2019). *Maqashid al-syariah: Pengetahuan mendasar memahami maslahah*. Prenada Media.
- Dery, T. (2002). Keadilan dalam Islam. *MIMBAR: Jurnal Sosial dan Pembangunan*, 18(3), 337–351.
- Elmahjub, E. (2014). Foundations of moral rights in Islamic sources and history of authorship in Islamic civilisation. *IIUM Law Journal*, 22(2), 137–164. <https://doi.org/10.31436/iumlj.v22i2.132>
- El-Mesawi, M. E. T. (2006). *Ibn Ashur: Treatise on Maqasid al-Shari’ah* (1st ed.). The International Institute of Islamic Thought.
- Gopur, A. (2018). The maslahah theory in the copyright law (reviewing of The Law Number 28 Year 2014 on Copyright). *Fakultas Syariah dan Hukum, UIN Syarif Hidayatullah*.
- Hamat, C. (2012). Etika kewartawan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, 25, 1–16.
- Hamzah, A., & Mustafa, S. E. (2008). Hak cipta harta intelektual: Kesedaran dan perlindungannya di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 10(1), 97–107.
- Hanani, N., & Yazid, M. (2024). Status harta intelektual sebagai harta pusaka menurut perspektif perundungan Islam di Malaysia: Satu kajian literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 9(1), 16–24. <https://doi.org/10.26475/jcil.2024.9.1.03>
- Hashim, M. (2005). Peranan tulisan Jawi dalam perkembangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 86–115.
- Hendrayana, M. Y., Budiarta, N. P., & Sudibya, D. G. (2021). Perlindungan hak cipta terhadap konten aplikasi TikTok yang disebarluaskan tanpa izin. *Jurnal Preferensi Hukum*, 2(2), 417–422.
- Hendrianto, H., & Elfalahy, L. (2021). Ayat-ayat hukum dalam al-Quran mengatur hubungan sesama manusia. *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam*, 6(1), 165–178. <https://doi.org/10.29240/jhi.v6i1.2719>
- Ibn Al-Qayyim Al-Jauziyyah. (1996). *I’lam al-Muwaqqi’in*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ibn Ḥazm al-Ζāhirī. (t.th.). *Al-Muḥallā bi al-Āthār* (A. M. Shākir, Ed., Vol. 8). Dār al-Fikr.
- Ibn Qudamah, A. A. (1968). *Al-Mughni*. Maktabah Al-Kaherah.
- Ibn Khaldūn. (2000). *Mukadimah Ibn Khaldun* (Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka, Jil. 2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ibn Taymiyyah. (2005). *Majmū‘ah al-Fatāwā Ibn Taymiyyah*. Dār al-Wafā’.
- Joyce, C., Jaszi, P., Leaffer, M., & Ochoa, T. (2010). Epilogue: The Statute of Anne: Today and tomorrow. *Houston Law Review*, 47(4), 1013–1021.
- Jumaah, D. A. (2005). *Printing books without the copyright holder’s permission*. Dar Ifta Al-Misriyyah.
- Karim, F. (1978). *Imam Gazzali’s Ihya Ulum-id-din*. Sind Sagar Academy.
- Keddie, N. R. (1963). Symbol and sincerity in Islam. *Studia Islamica*, 19, 27–63.
- Khaldūn, I. (2020). *The Muqaddimah: An introduction to history* (Abridged ed.). Princeton University Press.
- Lessig, L. (2004). *Free culture: The nature and future of creativity*. Penguin Books.
- Lubis, U. S. (2020). Hak kekayaan intelektual sebagai objek wakaf. *Iuris Studia: Jurnal Kajian Hukum*, 1(1), 31–38. <https://doi.org/10.55357/is.v1i1.18>
- Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī (Organisation of Islamic Conference). (2000). *Resolutions and recommendations of the Council of the Islamic Fiqh Academy: 1985–2000* (Islamic Research and Training Institute, Ed.). Islamic Development Bank.
- Malaysia. (1987). *Akta Hak Cipta 1987* (Akta 332). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Maulidya, A., & Fauzi, M. A. (2023). Sejarah penulisan dan pembukuan Al-Qur'an. *Tarbiatuna: Journal of Islamic Education Studies*, 3(1), 129–136.
- McJohn, S. M. (2006a). A new tool for analyzing intellectual property. *Northwestern Journal of Technology and Intellectual Property*, 5(1), 101–117.
- McJohn, S. M. (2006b). *Intellectual property: Examples and explanations*. Wolters Kluwer.
- Mukhtar, S. (2018). Islamic law and trademark protection. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(1), 1–28.
- MyIPO. (2003). *Trade marks division of trade marks law & practice in Malaysia*. MyIPO.
- Noor, N. A. M., Abd Aziz, A. S., & Noor, N. A. M. (2024). The ownership of copyrighted work: A Malaysian legal perspective. *Jurnal ’Ulwan*, 9(1), 168–177.
- Nurseha, M., Shobron, S., & Ali, M. (2020). Nilai-nilai pendidikan karakter dalam kitab *Al-Adab Al-Mufrad* karya al-Imam Abu Abdillah Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari. *Profetika: Jurnal Studi Islam*, 20(2), 154–167.
- Osman, R. A. H., & Hassan, M. I. A. (2022). Keistimewaan bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'an dan kepentingan menguasainya bagi para mufassir. *Al-Hikmah: International Journal of Islamic Studies and Human Sciences*, 5(2), 325–342.
- Patterson, L. (2000). Understanding the copyright clause. *Journal of the Copyright Society of the U.S.A.*, 47, 365–396.
- Patterson, L. R. (1993). Copyright and the exclusive right of authors. *Journal of Intellectual Property Law*, 1(1), 1–49.
- Rahim, R. N., & Azmi, N. I. K. (2025, February). “13 kes pelanggaran hak cipta sejak 2022”. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064786/13-kes-pelanggaran-hak-cipta-sejak-2022>
- Rosyidah, N. (2024). Rosm Al-Usmani: Menjaga keaslian teks Al-Quran? *Innovative: Journal of Social Science Research*, 4(1), 11362–11375.
- Rozi, F. (2019). Hisbah dalam Islam. *Jurnal Kajian Keislaman dan Pendidikan*, 10(1), 1–23. <http://ejurnal.stiattanawir.ac.id/index.php/attanwir/index>
- Shukor, H. A., Hashim, H., & Khan, I. N. G. (2019). Plagiarisme menurut perspektif perundangan Islam dan Akta Hakcipta 1987. Dalam *Prosiding 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*, Kolej Universiti Islam Selangor, (hlm. 56–65).
- Susanto, Y. A. (2020). Perlindungan hukum hak atas merek dalam perspektif maslahah al mursalah. *Jurnal Aktualita*, 3(1), 416–427.
- Sutisna, S., & Mukhtar, M. (2021). Pandangan hukum Islam terhadap hak cipta. *Mizan: Journal of Islamic Law*, 5(1), 1–16.